

14 NOV 2002

Mahathir-punca/I

MASIH TIADA USAHA PASTIKAN PUNCA KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sehingga kini belum ada usaha untuk mencari punca yang menyebabkan keganasan.

Perdana Menteri berkata banyak pihak lebih gemar menangani masalah itu menerusi tindakan ketenteraan atau dengan meningkatkan sistem keselamatan.

"Dalam menghadapi keganasan, yang penting ialah untuk kita mengetahui kenapa mereka melakukannya, kenapa mereka sanggup mengambil nyawa sendiri. Apabila kita sudah tahu kenapa, maka kita akan dapat menangani masalah itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada satu sesi soal jawab dengan sekumpulan pelajar dari Tokyo Metropolitan Kokusai High School di kediaman rasminya di Seri Perdana di sini.

Perdana Menteri berkata untuk melakukan keganasan di sebuah bandar raya seperti Washington DC, ia hanya memerlukan seorang saja, dan sebab itulah tugas membanteras keganasan menerusi tindakan tentera atau meningkatkan sistem keselamatan agak sukar.

Kumpulan 224 pelajar Jepun yang berusia 17 tahun itu, tiba Isnin lepas bersama pengetua mereka Yoshio Kawashima, untuk lawatan lima hari.

Menurut Kawashima, para pelajar itu merasakan impian mereka tercapai kerana dapat berjumpa dengan Dr Mahathir yang amat popular di Jepun.

"Mereka mahu belajar banyak perkara daripada beliau," katanya.

Kawashima berkata mereka memilih Malaysia untuk lawatan itu kerana negara ini mempunyai penduduk pelbagai kaum dan budaya.

Pelajar-pelajar itu juga melawat Kolej Yayasan Pelajaran Mara, Kolej Sunway dan Kolej Bandar Utama.

-- BERNAMA

NN AZH MAI